KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

E-KERATAN
AKHBAR HARIAN

6 JANUARI 2023

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

www.rurallink.gov.my | Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah | kkdw_gov | kkdw_gov | KKDW_GOV Official | kkdw_govofficial

TARIKH:
6 Januari 2023

HALAMAN:

ONLINE

Utusan Malaysia ☐
Berita Harian ☐
Metro ☐
Kosmo! ☐
Sinar X
Star ☐
New Straits Times ☐
南洋商報 Nanyang Siang Pau ☐
東方日報 Oriental Daily News ☐
Utusan Borneo ☐
The Borneo Post ☐
New Sabah Times ☐

'Saya yakin Sanusi mampu lakukan'


AHMAD ZAHID

PUTRAJAYA - Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi menggesa kerajaan negeri Kedah bertanggungjawab dalam menyelesaikan isu rumah mangsa banjir di Baling.

Menurutnya, kerajaan negeri harus menterjemahkan sokongan rakyat pada Pilihan Raya Umum ke-15 dengan memberi bantuan tanpa kerajaan Persekutuan.

"Keputusan pilihan raya yang lalu memperlihatkan mereka telah mendapat kejayaan 100 peratus untuk kerusi Parlimen," katanya pada sidang akhbar di sini pada Khamis.

Beliau berkata, sebanyak 34 unit rumah mangsa banjir di kawasan terlibat telah siap dibaik pulih oleh agensi di bawah Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah, Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (KEDA) manakala lapan unit rumah baharu telah diserahkan kepada pemilik pada Disember lepas.

"Saya yakin Menteri Besar Kedah, (Datuk Seri Muhammad Sanusi Md Nor) mampu melakukannya sebagaimana beliau mampu bercakap dalam pentas-pentas politik tanah air," ujarnya.

Pada Julai lalu, sebanyak 13 buah perkampungan dan perumahan yang melibatkan 74 unit rumah dikenal pasti terjejas akibat banjir kali ketiga di Mukim Kupang dan berhampiran Pekan Baling.

Pada perkembangan sama, Ahmad Zahid berkata, satu koordinasi antara Jawatankuasa Bencana Pusat dan kementerian serta agensi diadakan bagi mencari jalan penyelesaian menyeluruh untuk mengatasi masalah Monsun Timur Laut dan Barat Daya.

"Setiap kali musim banjir ada rumah rosak kita baiki. Ada rumah hanyut kita bina baru. Jalan rosak, kita buat dan berlaku lagi.

"Kita mesti cari jalan penyelesaian secara menyeluruh dan jangka panjang," kata beliau.

TARIKH:
6 Januari 2023

HALAMAN:

ONLINE

Utusan X
Berita Harian
Metro
Kosmo!
Sinar
Star
New Straits Times
南洋商報
東方日報
Utusan Borneo
The Borneo Post
New Sabah Times

Rumah baharu mangsa tragedi Baling siap sebelum Februari

Oleh JAMLIAH ABDULLAH dan MOHD. HUSNI MOHD. NOOR
utusannews@mediamulia.com.my

ALOR SETAR: Kerajaan negeri memberi jaminan rumah baharu penduduk Kupang, Baling yang terjejas akibat tragedi kepala air dan banjir lumpur tahun lalu akan siap sepenuhnya Februari ini.

Menteri Besar, Datuk Seri Muhammad Sanusi Md. Nor berkata, beliau mengambil maklum tentang kelewatan pembinaan rumah tersebut yang sebelum ini dikatakan akan siap pada Disember tahun lalu.

"Belum dapat laporan (kelewatan) tetapi tak bolehlah sampai Februari. Saya akan panggil mereka datang bagi laporan, sebelum Februari ini akan siap. Ada cara nak buat rumah, orang Indonesia buat cepat," katanya selepas menghadiri Majlis Perhimpunan Amanat Menteri Besar Kepada Penjawat Awam di Dewan Seri Mentaloon, di sini semalam.

Beliau mengulas kelewatan pembinaan rumah di Desa Keda Kampung Sadek untuk 17 keluarga yang kehilangan kediaman masing-masing dalam insiden pada 4 Julai 2022.

Muhammad Sanusi pada Ogos tahun lalu merasmikan pecah tanah rumah mangsa berkenaan yang dijangka siap dalam tempoh empat bulan.

Mengulas lanjut, kata beliau, ekoran kelewatan tersebut kerajaan negeri akan melanjutkan bantuan sewa rumah kepada mangsa terlibat.

"Kita akan sambung (sewa rumah). Saya akan bincang dengan Pegawai Daerah Baling. Dulu sasar bulan 12 siap jadi kita bawa sewa pun sampai bulan 12 saja. Ini sudah bulan Januari pun tak siap lagi (maka) kita bantu untuk sambung bayar sewa," katanya.

Beliau mengulas kenyataan Kerajaan Persekutuan mahu Kerajaan Negeri Kedah lebih bertanggungjawab berhubung isu bina semula dan baik pulih rumah mangsa banjir di Baling, Kedah.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi berkata, walaupun kos baik pulih atau bina semula itu mungkin milik Kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri juga harus mengambil tanggungjawab sama.

Beliau yang juga Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah berkata, keputusan pilihan raya umum lalu memperlihatkan bahawa Kedah mendapat kejayaan 100 peratus untuk kerusi Parlimen.

"Jadi mereka harus menterjemahkan sokongan rakyat ini dengan memberikan bantuan rakyat 100 peratus tanpa adanya sebarang usaha lain.

"Saya yakin Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Muhammad Sanusi Md. Nor mampu melakukannya sebagaimana beliau mampu bercakap dalam pentas-pentas politik," katanya dalam sidang akhbar selepas menyempurnakan Majlis Amanat Tahun Baharu 2023 di Putrajaya.

Dalam perkembangan lain, Muhammad Sanusi berkata, kerajaan negeri memberi kebebasan kepada penjawat awam Kedah menyertai malah berkempen bagi mana-mana parti yang disokong selagi mengekalkan profesionalisme masing-masing sewaktu bekerja demi kepentingan rakyat.

Beliau berkata, perkara itu tertakluk kepada pekeliling awam kepada kesemua kakitangan yang tidak memberi sebarang tekanan kepada mereka untuk menyokong parti mentadbir negeri ketika ini.

TARIKH:
5 Januari 2023

HALAMAN:

ONLINE
Utusan Borneo Sarawak

- Utusan Malaysia ☐
- Berita Harian ☐
- Metro ☐
- Kosmo! ☐
- Sinar ☐
- Star ☐
- New Straits Times ☐
- 南洋商報 ☐
- 東方日報 ☐
- Utusan Borneo ☒
- The Borneo Post ☐
- New Sabah Times ☐

Kerajaan negeri sambung bayar sewa penempatan sementara mangsa banjir Baling

ALOR SETAR: Kerajaan Negeri Kedah akan menyambung pembayaran sewa untuk penempatan sementara bagi mangsa banjir dan kepala air yang berlaku di Baling pada Julai tahun lepas sehingga rumah baharu mereka siap sepenuhnya.

Menteri Besar Kedah Datuk Seri Muhammad Sanusi Md Nor berkata, pembinaan 17 rumah baharu itu sepatutnya siap pada Disember lepas, namun sehingga kini rumah berkenaan masih belum siap dibina sepenuhnya.

"Saya akan berbincang dengan Pegawai Daerah Baling kerana kita sasarkan rumah-rumah itu siap sepenuhnya pada bulan Disember dan kerajaan negeri juga menanggung bayaran sewa rumah mangsa banjir selama enam bulan.

"Tetapi sekarang sudah masuk Januari dan rumah masih belum siap, jadi kita akan bantu untuk sambung bayaran sewa itu sehingga kesemua rumah berkenaan siap dibina sepenuhnya," katanya ketika diminta mengulas mengenai kebimbangan mangsa banjir mengenai pembayaran sewa rumah yang mereka duduki kini.

Pada 6 Julai 2022, Muhammad Sanusi memaklumkan bahawa kerajaan Kedah akan menanggung sepenuhnya bayaran sewa untuk penempatan sementara selama enam bulan bagi penduduk yang kehilangan rumah akibat banjir dan kepala air yang berlaku di Baling pada 4 Julai 2022.

Kejadian banjir itu mengakibatkan 41 kawasan di daerah Baling terjejas di samping mengorbankan tiga nyawa termasuk seorang ibu hamil berusia 23 tahun serta mengakibatkan kerugian berjumlah RM28 juta.

Sementara itu, ditanya mengenai jangkaan tarikh rumah baharu itu siap dibina, Muhammad Sanusi berkata beliau akan meminta pihak pemaju untuk memberikan laporan perkembangan berhubung proses pembinaan rumah berkenaan.

"Apa pun, ia tidak boleh lajak hingga bulan Febuari sebab sasaran kita bulan Disember....jadi saya akan minta laporan jangkaan rumah itu boleh siap daripada pihak pemaju," katanya.

Pada Julai tahun lepas, Kementerian Pembangunan Luar Bandar akan membina rumah baharu kepada 17 keluarga yang hilang tempat tinggal dalam bencana banjir dan kepala air, di atas tanah berkeluasan lebih satu hektar milik Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (KEDA) di Desa KEDA Sadek di Kupang, di Baling, dengan anggaran kos RM1.5 juta.

Terdahulu, beliau menghadiri Majlis Amanat Menteri Besar Kedah kepada Penjawat Awam Negeri Kedah yang diadakan di Dewan Seri Mentaloon dekat sini hari ini.

Dalam ucapannya, beliau berharap semua penjawat awam di negeri ini dapat melaksanakan setiap amanah yang dipertanggungjawabkan dengan bersungguh-sungguh, sepenuh jiwa dan raga untuk membantu kerajaan negeri melaksanakan dasar yang telah diputuskan serta membawa kesejahteraan kepada Kedah. — Bernama

TARIKH:
6 Januari 2023

HALAMAN:

ONLINE
Utusan Borneo Sarawak

Utusan ☐
Berita Harian ☐
Metro ☐
Kosmo! ☐
Sinar ☐
Star ☐
New Straits Times ☐
南洋商報 ☐
東方日報 ☐
Utusan Borneo ☒
The Borneo Post ☐
New Sabah Times ☐



APA KHABAR: Zahid beramah mesra bersama kakitangan Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah pada Majlis Amanat Tahun Baharu 2023 semalam. — Gambar Bernama

Jawatankuasa Bencana Pusat laksana koordinasi cari penyelesaian menyeluruh

PUTRAJAYA: Jawatankuasa Pengurusan Bencana Pusat telah melaksanakan koordinasi dengan kementerian dan agensi berkaitan bagi mencari penyelesaian menyeluruh terhadap masalah selepas musim Monsun Timur Laut (MTL), kata Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi.

Beliau yang juga Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Pusat berkata langkah tersebut tidak terhad kepada kerja pembaikan infrastruktur dan kediaman yang rosak akibat banjir, malah bertujuan merangka perancangan jangka panjang termasuk proses mitigasi mangsa.

"Harus ada keselarasan dari segi pelaksanaan dan jika kita bekerja bersama-sama, keputusan akhir dapat dicapai secara menyeluruh. Setiap kali musim banjir, kerajaan perlu baiki rumah rosak, bina baharu rumah yang hanyut dan baiki jalan rosak.

"Proses ini sentiasa berulang setiap kali banjir. Kita mesti cari penyelesaian menyeluruh dan jangka panjang," katanya pada sidang media selepas menghadiri Majlis Amanat Tahun Baharu 2023 Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah, di sini semalam.

Pada 5 Disember lepas, Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim dilaporkan berkata Ahmad Zahid akan bertanggungjawab sebagai Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Pusat bagi memastikan negara bersiap sedia menghadapi bencana banjir berdasarkan langkah pemantauan serta persediaan yang dibuat jawatankuasa berkenaan.

Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) telah mengeluarkan amaran awal bahawa Malaysia akan mengalami MTL atau musim tengkujuh lebih awal daripada yang dijangka iaitu pada 7 Nov lepas, dan berterusan sehingga Mac ini.

Sementara itu, Ahmad Zahid berkata kerajaan Kedah bertanggungjawab sepenuhnya membantu dan menyelesaikan isu berbangkit melibatkan mangsa banjir di daerah Baling, khususnya pembinaan semula kediaman yang rosak, walaupun kerajaan Persekutuan menyalurkan peruntukan bagi meringankan beban mereka.

Ahmad Zahid yang juga Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah berkata ia sebagai menzahirkan penghargaan terhadap sokongan rakyat kepada kerajaan terbabit pada Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU15), November lepas.

Pada Julai lepas, sebanyak 41 kawasan di daerah Baling terjejas akibat bencana banjir lumpur dan aliran puing, dengan nilai kerugian dianggarkan berjumlah RM28 juta, melibatkan kemusnahan rumah, premis, infrastruktur, kenderaan dan harta benda lain.

Beliau berkata sehingga kini Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (KEDA) telah membina semula lapan rumah dan membaik pulih 38 rumah mangsa yang terjejas. — Bernama

TARIKH:
6 Januari 2023

HALAMAN:

ONLINE
Utusan Sarawak

Utusan ☐
Berita Harian ☐
Metro ☐
Kosmo! ☐
Sinar ☐
Star ☐
New Straits Times ☐
南洋商報 ☐
東方日報 ☐
Utusan Borneo ☒
The Borneo Post ☐
New Sabah Times ☐

Cari penyelesaian menyeluruh - Zahid

PUTRAJAYA: Jawatankuasa Pengurusan Bencana Pusat telah melaksanakan koordinasi dengan kementerian dan agensi berkaitan bagi mencari penyelesaian menyeluruh terhadap masalah selepas musim Monsun Timur Laut (MTL), kata Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi.

Beliau yang juga Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Pusat berkata, langkah tersebut tidak terhad kepada kerja pembaikan infrastruktur dan kediaman yang rosak akibat banjir, malah bertujuan merangka perancangan jangka panjang termasuk proses mitigasi mangsa.

"Harus ada keselarasan dari segi pelaksanaan dan jika kita bekerja bersama-sama, keputusan akhir dapat dicapai secara menyeluruh. Setiap kali musim banjir, kerajaan perlu baiki rumah rosak, bina baharu rumah yang hanyut dan baiki jalan rosak.

"Proses ini sentiasa berulang setiap kali banjir. Kita mesti cari penyelesaian menyeluruh dan jangka panjang," katanya pada sidang media selepas menghadiri Majlis Amanat Tahun Baharu 2023 Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah di sini, semalam.

Pada 5 Disember lepas, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dilaporkan berkata, Ahmad Zahid akan bertanggungjawab sebagai Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Pusat bagi memastikan negara bersiap sedia menghadapi bencana banjir berdasarkan langkah pemantauan serta persediaan yang dibuat jawatankuasa berkenaan.

Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) telah mengeluarkan amaran awal bahawa Malaysia akan mengalami MTL atau musim tengkujuh lebih awal daripada yang dijangka iaitu pada 7 November lepas dan berterusan sehingga Mac nanti.

Sementara itu, Ahmad Zahid berkata, kerajaan Kedah bertanggungjawab sepenuhnya membantu dan menyelesaikan isu berbangkit melibatkan mangsa banjir di daerah Baling, khususnya pembinaan semula kediaman yang rosak, walaupun Kerajaan Persekutuan menyalurkan peruntukan bagi meringankan beban mereka.

Ahmad Zahid yang juga Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah berkata, ia sebagai menzahirkan penghargaan terhadap sokongan rakyat kepada kerajaan terbabit pada Pilihan Raya Umum ke-15 (PRU-15), November lepas.

Pada Julai lepas, sebanyak 41 kawasan di daerah Baling terjejas akibat bencana banjir lumpur dan aliran puing, dengan nilai kerugian dianggarkan berjumlah RM28 juta, melibatkan kemusnahan rumah, premis, infrastruktur, kenderaan dan harta benda lain.

Beliau berkata, sehingga kini Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (Keda) telah membina semula lapan rumah dan membaik pulih 38 rumah mangsa yang terjejas.



TIMBALAN Perdana Menteri yang juga Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi beramah mesra bersama kakitangan Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah pada Majlis Amanat Tahun Baharu 2023 di Putrajaya, semalam. Turut sama, Timbalan Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah Datuk Rubiah Wang. • Foto BERNAMA